

MOM ingin pasti silat olahraga, gimrama disertai

18 OCT 1990

KUALA LUMPUR — Majlis Olimpik Malaysia (MOM) akan memastikan silat olahraga dan gimrama yang digugurkan daripada Sukan SEA Manila tahun depan, disenaraikan semula.

Presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah, berkata beliau akan melobi anggota majlis Persekutuan Sukan SEA (SGF) pada mesyuarat di Manila pada 8 November ini, supaya silat olahraga dan gimrama dikekalkan.

"Dua jenis sukan itu mempunyai peluang cerah disenaraikan semula dalam Sukan SEA Manila kerana penyertaannya membabitkan lebih tiga negara," katanya.

Menurutnya, silat olahraga dianggotai oleh Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia, sementara gimrama juga disertai oleh empat buah negara.

Tan Sri Hamzah berharap wakil majlis Olimpik negara peserta terbabit turut melobi bagi dua sukan itu untuk meyakinkan tuan rumah, Filipina supaya silat dan gimrama dipertandingkan.

Beliau berkata Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mesti memberi jaminan akan memberi bantuan teknikal dan latihan bagi memastikan silat olahragadisenaikan.

"Begitu juga dengan gim-

rama, memerlukan khidmat jurulatih dan teknikal daripada Persekutuan Gimnastik Malaysia (PGM) bagi memastikan ia berjalan lancar," katanya.

Beliau bagaimanapun menolak dakwaan Pesaka bahawa MOM tidak mengambil berat terhadap perkembangan silat olahraga di negara ini, sehingga tersingkir daripada Sukan SEA.

Katanya, Filipina sebagai tuan rumah berhak menolak dan menyenaraikan sukan baru.

Dalam mesyuarat SGF di Beijing bulan lalu, dua sukan itu digugurkan daripada acara Sukan SEA Manila, kerana tuan rumah Filipina berpendapat dua sukan itu kurang mendapat sambutan negara peserta.

Berikutan itu, Filipina menyenaraikan squash dan taekwondo serta wushu sebagai acara baru Sukan SEA di Manila, bagi menggantikan sukan seni mempertahankan diri negara itu, arnis yang pada mulanya hendak disenaraikan.

Tan Sri Hamzah berkata, keputusan mesyuarat SGF bulan lalu belum muktamad dan wakil negara peserta Sukan SEA boleh mengemukakan cadangan atau bantahan balas dalam mesyuarat akan datang di Manila. — BHM.

PASTIKAN SILAT TIDAK TERCICIR

Pesaka tetap melobi

U. Harian (M)

Oleh RAHIME YUSOFF 19 OCT 1990

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) tidak akan membiarkan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) bersendirian melobi bagi memastikan silat olahraga tersenarai pada Sukan SEA Manila, tahun depan.

Setiausaha Pesaka, Rahman Hassan, berkata Pesaka menghargai keputusan Presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah, bagi meyakinkan Majlis Olimpik Filipina (FOC) agar menyerapkan silat pada Sukan SEA '91.

"Kami tidak akan membiarkan MOM keseronangan, malah akan meminta Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) memainkan peranan dalam hal ini.

"Pesaka akan menghubungi Persatuan Silat Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia agar turut menyokong majlis olimpik negara masing-masing untuk melobi pada mesyuarat jawatankuasa

sukan itu bulan depan," katanya.

Menurut beliau, Pesaka sebenarnya sudah mengemukakan rayuan kepada MOM bagi melobi semula FOC selepas silat digugurkan pada mesyuarat jawatankuasa Sukan SEA di Beijing, baru-baru ini.

Pada mesyuarat di Beijing, Jawatankuasa Sukan SEA menggugurkan silat dan arnis tetapi menerima dua seni bela diri yang diketepikan sebelum ini iaitu taekwondo dan wushu.

Berikutan itu, Presiden Pesaka, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib, mengemukakan dua pegawai MOM yang menghadiri mesyuarat itu kerana tidak mempertahankan silat, sebaliknya menyokong kuat penerimaan taekwondo.

Tiga hari lalu, Tan Sri Hamzah menjelaskan bahawa mesyuarat di Beijing itu belum keputusan rasmi dan sedia mengemukakan cadangan agar silat diterima semula.

